

Tak lena tidur bimbang air naik

Penduduk PPRT Kampung Sungai Tengar Utara sentiasa siap sedia, risau limpahan air masuk dalam rumah

SABAK BERNAM - Tiga kediaman penduduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Sungai Tengar Utara digenangi air setinggi 0.3 meter berikutan fenomena air pasang besar, semalam.

Kejadian kira-kira jam 7 pagi itu mengakibatkan limpahan air masuk ke dalam rumah dan kawasan halaman kediaman penduduk, bagaimanapun beransur surut, dua jam kemudian.

Seorang penduduk, Nazeri Bisri, 67, berkata, air mulai melimpah masuk ke kediamannya pagi semalam, hingga mengundang kebimbangannya jika air semakin tinggi.

"Nasib baik paras air yang masuk ke rumah cecah buku lali saja. Kalau air tinggi, saya rasa habis barang dalam rumah rosak seperti yang berlaku lebih 10 tahun lalu," katanya.

Anaknya, Norhidayah, 32,



Norhidayah membersihkan kediaman bapanya yang dinaiki air, semalam.

berkata, fenomena air pasang yang berlaku itu menyebabkan dia tidak tidur lena kerana bimbang paras air naik mendadak ke dalam rumah.

"Saya memang tak boleh nak lelap mata sampai sekarang (tengah hari semalam).

Risau rumah tenggelam, lebih lagi dalam keadaan ayah kurang sihat.

"Bencana seperti ini kita tak boleh nak jangka. Itu sebabnya, saya sanggup bersengkang mata, asalkan semuanya selamat," katanya.

Norhidayah berkata, dia mula bermalam di rumah bapanya sejak kelmarin dan hanya pulang semula ke rumahnya di Kampung Parit Baru, selepas 18 November ini.

"Hari ini, setidak-tidaknya dapatlah saya tolong bapa ber-

sihkan apa yang patut sebab air masuk ke dalam rumah. Banyak kesan kotoran di lantai perlu dicuci sebab air ini turut bawa pasir dan sedikit lumpur berbau busuk," katanya.

Menurutnya, tiada sebarang kerosakan berlaku akibat limpahan air itu, namun beberapa barangan dalam sebuah bilik tidak sempat dipindah dan dinaikkan ke tempat lebih tinggi.

"Kami dah angkat barangan berharga ke tempat yang selamat, cuma tilam dan pakaian dalam bilik tak sempat nak alih," katanya.

Penduduk, Mashod Mohamed, 53, berkata, meskipun air hanya naik hingga halaman kediamannya itu, namun dia tetap berwaspada memandang fenomena itu dijangka berterusan selama lima hari berturut-turut.

"Memang kena berjaga-jaga sebab mungkin hari ni tak

naik sampai ke dalam rumah, tapi siapa sangka kejadian buruk boleh berlaku," katanya.

Mashod berkata, kejadian lebih buruk dijangka berlaku jika fenomena air pasang itu bertembung dengan hujan berterusan.

"Sekarang ni musim hujan, kalau ban pecah, tak mustahil, air boleh naik lebih tinggi. Kejadian banjir amat menyukarkan, tambahan isteri saya, (Khalijah Osman, 49) OKU (orang kurang upaya).

"Dah tiga bulan kami dihimpit dengan masalah ini (fenomena air pasang besar). Kalau kami diarah pindah, susahlah saya nak urus isteri di pusat pemindahan," katanya.

Tambahnya, sebelum ini isterinya yang berkerusi roda terpaksa menumpang di rumah adiknya di Klang kerana akan berdepan kesukaran jika pindah ke pusat pemindahan.